

# Jambatan tambah rancakkan aktiviti ekonomi Labuan

UB 24.11.2020 4

Sektor pelancongan tambah kukuh dengan kehadiran pelancong dalam dan luar negara, mengangkat keberadaan UMSKAL

**LABUAN:** Cadangan membina jambatan yang menghubungkan Wilayah Persekutuan Labuan dengan Sabah akan memberi nilai tambah kepada kerancakkan aktiviti ekonomi di pulau bebas cukai ini.

Menurut Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) Profesor Dr. Jualang Azlan Gansau, ia juga mampu memperkukuhkan sektor pelancongan tempatan dan antarabangsa menerusi kehadiran pelancong dari dalam dan luar negara yang masuk melalui pintu antarabangsa di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu.

Malah beliau berkata, ia turut mengangkat keberadaan UMSKAL sendiri sebagai Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) bertaraf antarabangsa yang tunggal di wilayah ini.

"Dengan adanya jambatan ia akan menarik minat lebih ramai pelajar antarabangsa, selari dengan kewujudan UMSKAL sebagai IPTA bertaraf antarabangsa di Wilayah Persekutuan Labuan.

"Sekali gus dengan kehadiran pelajar dan pensyarah dari dalam dan luar negara akan membantu meran-



PROF DR. JUALANG



DR. RIZAL

cakkan aktiviti ekonomi dan industri pelancongan tempatan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Menteri Wilayah Persekutuan Tan Sri Annuar Musa yang menyatakan bahawa kerajaan bersetuju dengan pembinaan jambatan menghubungkan Labuan dengan tanah besar Sabah melalui Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI).

Tambahnya, dengan adanya jambatan berkenaan ia akan memudahkan pergerakan warga UMSKAL untuk mengadakan pelbagai program termasuk lawatan, mesyuarat, seminar dan bengkel yang diadakan di Kota Kinabalu.

"Malah warga UMS di Kota Kinabalu dan Kampus Sandakan juga akan mudah berulang-alik ke Labuan dengan adanya kemudahan berkenaan sekali gus membantu menjana ekonomi di samping mengeratkan hubungan antara rakyat kedua-dua negeri," katanya.

Sementara itu, Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) Prof Madya Dr. Rizal Abdul Hamid berkata, pembinaan jambatan akan memudahkan penduduk berhampiran untuk berurusan di jabatan dan agensi kerajaan di Wilayah Persekutuan Labuan termasuk mendapatkan rawatan kesihatan, pendaftaran kemasukan ke IPTA dan

pelbagai urusan lain tanpa perlu ke Kota Kinabalu.

Selain itu katanya, ia turut memberi kesan yang mendalam terhadap pembangunan fizikal dan sosio ekonomi di kawasan berhampiran termasuk Menumbok, Kuala Penyu dan Beaufort.

"Selain memudahkan pergerakan penduduk untuk mengunjungi ahli keluarga dan sanak saudara, sektor ekonomi dan pelancongan di kawasan berhampiran dengan Labuan juga akan berkembang pesat menerusi kehadiran penduduk yang berulang alik selain pelancong dari dalam dan luar negara.

"Apabila ekonomi meningkat, lebih banyak peluang pekerjaan juga akan dapat diwujudkan di Labuan dan kawasan berhampiran.

"Kehadiran penduduk dari Sabah, Sarawak dan Brunei juga akan membantu meningkatkan kuasa beli, sekaligus menambah pendapatan peniaga tempatan," katanya.

— Penerangan

**NADI:** Feri antara nadi pengangkutan utama Labuan dan Sabah.



**MEMBANGUN:** Bandar Labuan yang pesat membangun memerlukan suntikan aktiviti ekonomi daripada pembinaan jambatan.

